

## NADWAH MURABBI MENGGILAP KEPIMPINAN SEKOLAH



Nadwah Murabbi yang julung kali diadakan ini difokuskan untuk menggilap kepimpinan sekolah di peringkat pengurusan sekolah dan guru, khususnya kepada JK penggerak Kaderisasi dan Tarbiah (JKPT) di sekolah masing-masing. JK ini kemudiannya diisytiharkan oleh Ketua Pengarah YTP, Tuan Hj. Mohd Musleh bin Yunos sebagai Majlis Kaderisasi dan Tarbiah Sekolah (MAKTAS) di dalam sesi Majlis Pembukaan Nadwah Murabbi Kebangsaan 2023 di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang, Selangor pada 6-8 Mac 2023.

Keanggotaan MAKTAS adalah seperti berikut :

1. Pengerusi (dari ALPS)
2. Tim. Pengerusi (GB/Pengetua)
3. Setiausaha (GPK Syaksiah)
4. JK 1 (Guru L)
5. JK 2 (Guru P)

Tujuan kita membentuk MAKTAS di setiap sekolah adalah untuk mengukuhkan pelaksanaan agenda Kaderisasi dan Tarbiah (KnT) di setiap sekolah. Pengalaman lalu dengan meletakkan tugas berat ini di atas bahu seorang dua guru, tidak dapat dilihat hasil gerakkerjanya dengan begitu berkesan, jadi tahun 2023 ini kita ingin lebih serius menangani isu-isu KnT yang tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan selama ini.


Antara agenda yang menjadi fokus di dalam Nadwah Murabbi kali ini ialah :

1. Refleksi : Menyenaikan Agenda Kaderisasi dan Tarbiah semasa di sekolah masing-masing. Ia bertujuan untuk berkongsi program-program yang berimpak tinggi dan memberi kesan yang mendalam dalam pembentukan karakter murid. Program-program terbaik dari mana-mana sekolah diminta untuk dibentangkan di hadapan pentas. Sesi ini dikendalikan oleh ust. Mohd Naim bin Mohd Noor, Pengarah Kaderisasi dan Tarbiah.

2. Tanzim Haraki sebagai Asas kepada pelaksanaan Kaderisasi dan Tarbiah. Ia ditampilkan dalam bentuk pengisian yang disampaikan oleh Ust. Hasri Haron, Tim. Presiden WADAH, merangkap pengerusi Majlis Kaderisasi dan Tarbiah Pusat (MAKTAB). Dan topik ini dibentangkan pada sesi berikutnya dikendalikan oleh Tn. Hj. Khailani Abdul Jalil, Tim. KP YTP.

3. Meluaskan Wawasan Pendidikan untuk kehidupan. Ia berkisar soal pendidikan yang sebenar untuk kehidupan, mengenali dengan baik persekitaran, haiwan-haiwan yang hidup berdampingan dengan manusia, tumbuhan-tumbuhan yang menjadi sahabat sepanjang hayat, adakah kita peka dan fahami kehidupan mereka, perbezaan jantina makhluk ciptaan tuhan ini, tabiat dan perilaku dalam kehidupan mereka, sesungguhnya amat banyak pengajaran yang kita terlepas dengan mengabaikan kehidupan di persekitaran kita. Ia di sampaikan oleh Ketua Pengarah YTP, Tuan Haji Mohd Musleh bin Yunos. Topik ini dipraktikkan dalam sesi Simulasi Perkhemahan di sebelah petang.

bersambung ke mukasurat 2



Dari Meja Editor

## NAHDHAH ADALAH SEBUAH PROJEK PENTAMADUNAN UMAT

Presiden WADAH mengungkapkan bahawa Nahdah adalah sebuah projek pentamadunan umat berasaskan harapan untuk mengembalikan semula peranan umatnya sebagai *Khaira Ummah* - umat terbaik di muka bumi ini. Perjuangan menjayakan nahdah adalah sebuah respon kepada kesedaran umat Islam terhadap realiti kemunduran dan kelemahan ummah dalam segenap aspek kehidupan sejak beberapa abad lalu. Kelemahan ini mengakibatkan peranan umat Islam sebagai *Ummatan Wassata* atau umat yang Adil dan Berkualiti tidak mampu berfungsi di pentas sejarah kemanusiaan mutakhir.

Bagi melaksanakan nahdah ini umat Islam perlu menyiapkan pejuang-pejuang yang berkualiti yang dibina dari peringkat sekolah lagi. Mereka perlu dipersiapkan dengan ilmu agama, ilmu duniawi, pembinaan sahsiah yang unggul dan mempunyai ketahanan mental. Pihak sekolah hendaklah memberi latihan dan pendedahan yang secukupnya melalui program-program kurikulum dan ko-kurikulum sama ada di dalam sekolah ataupun di luar sekolah. Program usrah dan nadwah perlu dipergiatkan untuk melatih seberapa banyak individu bagi melahirkan pemimpin umat di masa hadapan. Untuk itu setiap sekolah sama ada SERI atau SEMI mestilah merancang dan melaksanakan program usrah, dan nadwah di peringkat sekolah masing-masing.

Pada 6 - 8 Mac 202, YTP telah menganjurkan Nadwah Murabbi di Bagan Lalang, Sepang, Selangor, yang dihadiri oleh pemimpin sekolah iaitu Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), CEO, Pengetua, Guru Besar, GPK dan guru-guru yang terlibat dengan program tarbiyah. Tujuan utama diadakan adalah untuk memberi pangalaman dan panduan bagi pemimpin sekolah tentang bagaimana untuk melaksanakan nadwah di peringkat sekolah masing-masing. Adalah diharapkan selepas daripada program NADMURK ini setiap sekolah hendaklah membuat perancangan dan melaksanakan program masing-masing.

Hj. Samian Mohd Ali

4. Simulasi Perkhemahan : Menyediakan Hidangan berdasarkan bahan masakan yang disediakan. Ia adalah program *outdoor* yang dibuat ditepi pantai Bagan Lalang, setiap kumpulan disediakan bahan-bahan hidup dan mentah, seperti itik Serati, burung Puyuh, ikan keli dan puyuh hidup, ikan Barakuda, ikan Daun, Belangkas, berbagai jenis siput, pepahat, buah nipah, jantung pisang, ulam-ulaman, sayur-sayuran, buah markisa, rozel, ubi, terung dan lain-lain. 10 kumpulan mendapat bahagian masing-masing, dengan peralatan masak dan periuk belanga, pinggan talam dan lain-lain, diberi masa dalam dua jam, hidangan berserta minuman dapan disediakan untuk sesi penilaian. Program ini bertujuan menggilap karakter kepimpinan, Kerjasama, kreativiti, kesabaran, tiada putus asa, sentiasa optimis, saling berkongsi idea dan bertukar fikiran dan banyak lagi karakter yang tergilap ketika program ini dilaksanakan. Inilah yang menjadi hasrat besar YTP untuk melihat sekolah-sekolah dapat mengembalikan program-program Pendidikan untuk kehidupan dalam bentuk pekhemahan kecil-kecilan yang banyak mencungkil bakat dan meninggalkan kesan yang bermakna dalam kehidupan murid. Sesi ini dikelola langsung oleh KP YTP, Tn. Hj. Mohd Musleh bin Yunos.

5. Agenda Bertindak Sekolah Perjuangan disampaikan oleh Presiden WADAH, Dato' Hj. Ahmad Azam Abdul Rahman. Beliau menegaskan bahawa sekolah Perjuangan seperti sekolah-sekolah kita harus menetapkan target untuk melahirkan pemimpin dalam 5-10 tahun ini, 20 orang pemimpin peringkat antarabangsa, 50 pemimpin peringkat nasional, 100 pemimpin peringkat negeri dan daerah, ini yang perlu dibangunkan diperingkat sekolah-sekolah kita. Perancangan untuk merealisasikan hasrat besar ini telah dibengkelkan di dalam sesi berikutnya yang menghasilkan beberapa cadangan untuk pelaksanaannya.

6. Selain slot-slot utama ini, Nadwah Murabbi juga ada slot-slot sampingan seperti Riadhah bermodul secara berkumpulan, antaranya membuat layang-layang dan kapal terbang kertas yang diberi penilaian mengikut kreativiti dan kemampuan terbang yang seimbang. Ia dikelola oleh Dr. Abdul Khahar Saprani Pengarah Sumber Pembelajaran Digital, YTP.

Program NADWAH secara umum di peringkat YTP adalah program menggilap kepimpinan semua peringkat di sekolah, bermula dari Ahli Lembaga Sekolah, pihak pengurusan sekolah, guru-guru, murid-murid sekolah menengah dan rendah dengan memberi fokus pada 5 objektif seperti berikut :

1. Menggilap kepimpinan sekolah di semua peringkat.
2. Membina keterampilan pemimpin berkualiti.
3. Mencerakin ilmu kepimpinan dalam bentuk kreatif dan inovatif.
4. Melatih amalan bekerja secara jamaei.
5. Memupuk karekter kepimpinan unggul jamaah untuk berkhidmat di semua

peringkat.

7. Antara slot sampingan lagi ialah KULIM (kuliah 5 minit) dan KULTIM (kuliah 3 minit) yang disampaikan oleh para peserta terpilih di setiap selepas solat Subuh dan Maghrib. Ia diurus selia oleh Tok Penghulu Program, Cikgu Mustafa bin Bakar dilantik pada sesi pembukaan program.

8. Lagi slot sampingan yang membantu menyelaraskan program ialah sesi *Ice Breaking* yang digerakkan oleh Puan Hajjah Nur Jannah iaitu Pengarah Latihan YTP merangkap MC utama di Nadwah Murabbi) dan Tn. Haji Mohammad bin Abu Daud Pengarah Akademik YTP.

YTP telah menggerakkan seluruh pasukannya untuk turun menjayakan pelaksanaan Nadwah Murabbi pada kali ini, semoga Allah Taala menggandakan ganjarannya kepada semua yang terlibat di dalam program ini, sehingga bertemu lagi di tahun hadapan dengan modul baru yang lebih mencabar.

Laporan : Hj. Mohd Naim Mohd Noor

# RESOLUSI NADWAH MURABBI KEBANGSAAN 1.0

## Tema : *Pemeriksaan Kaderisasi Tarbiyah*

Menyedari dan menginsafi bahawa pendidikan negara untuk dekad akan datang memerlukan reformasi menyeluruh, terancang dan kemaskini, maka NADWAH MURABBI KEBANGSAAN 1.0 dengan bertemakan Pemeriksaan Kaderisasi Tarbiyah yang disertai oleh peserta mewakili para pentadbir (Pengerusi YTP Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengetua, Guru Besar, Pengurus dan Penyelia) dan guru-guru /SERI/SEMI ABIM TASKI/TAHFIZ dari seluruh negara bertempat di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang, Selangor pada 6-8 Mac 2023 dengan ini mencadangkan ketetapan berikut:

### BIAH PENDIDIKAN AL-HIKMAH

1. Menyedari dan menginsafi bahawa biah Pendidikan Al-Hikmah amat penting penghayatan dan pengamalan dalam sistem pendidikan ABIM amat penting dalam meneruskan kepimpinan umatik, maka dicadangkan :
  - a. Kepimpinan Institusi Jamaah (IPJ) perlu memugarkan semangat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Al Hikmah secara serius, terancang, sepadu dan sistemik di semua peringkat pengurusan dan perancangan nilai dan kompetensi Al-Hikmah dengan penglibatan WADAH, ABIM, PKPIM dan badan pelajar di peringkat negeri.
  - b. Amalan nilai dan kompetensi Pendidikan Al Hikmah perlu dihalusi untuk diterjemahkan dalam kurikulum dan aplikasi di peringkat TASKI, SERI, SEM, TAHFIZ dan KDH, sebelum dikembangkan kepada pihak lain di luar ABIM.
  - c. Usaha-usaha untuk memasyarakatkan Falsafah Pendidikan Al Hikmah wajar diketengahkan kepada umat di peringkat kebangsaan, negeri atau daerah, sebagai pilihan kepada sistem pendidikan yang sedia ada.
  - d. Mewujudkan model Pendidikan Al Hikmah di IPJ sebagai contoh ikutan untuk pengembangan dalam pelaksanaan sistem pendidikan aliran perdana.
  - e. Menyokong Program Islah Sekolah, sebagai satu wahana pengamalan dan penghayatan Pendidikan Al-Hikmah dan perlu dilaksanakan dalam semua IPJ demi kelangsungan pembentukan insan yang soleh.

### KEPIMPINAN

2. Kepimpinan IPJ mempunyai peranan dan tanggungjawab penting bagi pembentukan insan sempurna berdasarkan acuan Al Quran dan Al-Hadis. Sehubungan itu, matlamat Sekolah Perjuangan yang bertujuan menyempurnakan hasrat jamaah ke arah melahirkan generasi khayara ummah/umatan wasatan. Justeru itu aspek kepimpinan dalam IPJ perlu:
  - a. Sekolah Perjuangan perlu mengikut acuan tanzim haraki samada daripada segi perancangan, pengurusan dan pengisian dengan menekankan aspek tarbiyah ruhiyah.
  - b. Rangkaian dalam sistem pendidikan ABIM mestilah meneruskan pendekatan tarbiyah dan dakwah bagi melestarikan pembinaan kader dakwah yang menyedari Islam sebagai sebagai cara hidup yang realistik. Oleh itu guru-guru dan petugas IPJ ABIM wajar mengikut semua program tarbiyah haraki ABIM, seperti usrah, tamrin dan aktiviti budaya ilmu. Satu kurikulum usrah yang standard menyeluruh dan seragam wajar digunapakai dalam semua usrah guru dan petugas ABIM dalam pendidikan.
  - f. Aspek keabiman wajar distrukturkan dan dilaksanakan di peringkat TASKI hingga KDH bagi memupuk semangat perjuangan kepada Islam ke arah melahirkan kader dakwah yang tegar.
  - g. Sesuai dengan prinsip yang terkandung dalam fiqh *waqie'*, maka pelajar kita wajar didedahkan dengan realiti kepelbagaian kaum melalui aktiviti sukan, pertandingan dan dalam amalan program pendidikan yang lain.
  - h. Oleh itu semua sekolah ABIM perlu meneruskan amalan budaya penyayang dan kesantunan budi dalam pengurusan, pentadbiran dan pengelolaan warga pendidikannya hingga terpancar keindahan Islam sebagai rahmat kepada sekalian alam dalam amalan tersebut.
  - i. Pelaksanaan Program Mencari Ikon Unggul bagi melahirkan *al-jillal rabaniah al-harakiah (prime mover)* hendaklah diteruskan dengan penyesuaian faktor persekitaran terkini sejak dari peringkat Taski hingga ke SEMI.

### KECERIAAN

- 3.1 Melestarikan institusi Pendidikan jamaah dengan fauna dan flora alamiah bagi memperkasakan kehidupan keinsanan ( well being) dengan melibatkan semua agensi dalam dan luar jamaah
- 3.2 Program lestari alam yang dirancang dan dilaksanakan perlu memberikan impak pembelajaran untuk kehidupan kepada pelajar dalam kerangka besar penghayatan Pendidikan Al-Hikmah.

### KEBITARAAN

- 4.1 IPJ bermotokan pendidikan unik, cemerlang dan gemilang perlu direalisasikan dalam amalan kebitaraan sekolah. Oleh itu sekolah perlu mempamerkan kehebatan dalam bidang tertentu yang boleh mengangkat mertabat sekolah di persada negara.

### PENDANAAN PROGRAM KEPIMPINAN

- 5.1 Sesuai dengan hasrat menggilap, membimbing dan memperkasa kepimpinan dalam IPJ, maka oleh itu adalah perlu mendapatkan dana daripada agensi swasta dan badan korporat bagi merealisasikan impian serta harapan ini menjadi nyata. Maka dengan itu dicadangkan penubuhan Tabung Infaq Kepimpinan, yang bertindak sebagai agensi pengumpulan dana infaq itu bagi membiayai segala perbelanjaan dan kewangan bagi pelaksanaan program kepimpinan haraki dan umatik.
6. Penubuhan satu jawatankuasa khas untuk memastikan tindakan susulan bagi memastikan pelaksanaan resolusi konvensyen secara tuntas dan tertib. Sehingga itu, Yayasan Takmir Pendidikan bertindak sebagai urusetia penyelenggara.

Disediakan oleh Jawatankuasa Resolusi :

*Haji Mohd Musleh Bin Yunos*

*Ishak Bin Ali Shah*

*Muhamad Khailani Bin Abdul Jalil*

*Naim Bin Hj Mohd Nor*

# GAMBAR SEPANJANG AKTIVITI NADWAH MURABBI 2023



# **PINDAAN AKTA KERJA 1955 DAN PINDAAN POLISI YTP**

## **Oleh Hj. Samian Mohd Ali**

Pada 1 Januari 2023 Kerajaan telah menguatkuasakan pindaan Akta Kerja 1955. Semua majikan diwajibkan untuk melaksanakan semua perkara berkaitan pindaan Akta Kerja 1955. Semua pekerja sektor swasta di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan adalah tertakluk kepada Pindaan Akta ini. Di antara tujuan utama pindaan ini adalah :

1. Meningkatkan dan menambah baik perlindungan dan kebajikan golongan pekerja di Negara ini,
2. Memastikan peruntukan undang-undang perburuhan di Negara ini selaras dengan standard antarabangsa yang digariskan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

YTP sebuah badan swasta yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hendaklah mematuhi perkara-perkara yang telah dipinda dalam Akta tersebut. Sehubungan dengan itu Polisi YTP juga perlu dipinda supaya selaras dengan Pindaan Akta Kerja 55.

Polisi-polisi yang telah dipinda adalah seperti berikut:-

1. Pembayaran Upah : Di dalam Polisi YTP yang sedia ada tidak dinyatakan dengan jelas mengenai pembayaran upah atau gaji pekerja. Apabila pihak Kerajaan menetapkan gaji minimum maka dalam Polisi YTP perlu menyatakan kadar gaji minimum. Buat masa ini gaji minimum pekerja ialah RM1,500 sebulan.

2. Cuti Tahunan: Cuti Tahunan secara umumnya dikurangkan sebanyak 2 hari bagi semua kategori. Ini disebabkan jumlah cuti am yang diberikan oleh pihak Kerajaan sudah terlalu banyak iaitu kira-kira 20 hari setahun. Pengurangan ini adalah supaya kadar produktiviti tidak terjejas kerana pekerja banyak bercuti.

3. Cuti Sakit dan Hospital : Kelayakan cuti sakit dan cuti hospitaliti diasingkan bagi membolehkan pekerja mendapatkan rawatan dan pemulihan yang mencukupi. Dengan pengasingan cuti sakit yang dibuat melalui pindaan ini, pekerja akan mendapat cuti sakit berbayar lebih tinggi daripada 60 hari setahun iaitu kepada 74 hingga 82 hari setahun (bergantung kepada tempoh perkhidmatan).

4. Cuti Bersalin : Jumlah cuti bersalin dinaikkan daripada 60 hari kepada 98 hari iaitu selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Kelayakan cuti bersalin berbayar adalah terhadap kepada 5 kali kelahiran sahaja.

5. Cuti Ehsan / Kecemasan : Semua pekerja yang telah disahkan jawatan adalah layak memohon cuti ehsan / kecemasan berasaskan sebab-sebab berikut:

- a. Perkahwinan sendiri (5 hari)
- b. Kematian atau sakit tenat waris terdekat ( 4 hari)
- c. Bencana alam (5 hari)
- d. Perkahwinan anak sendiri (2hari)
- e. Mengiringi ahli keluarga mendapatkan rawatan (1 hari)
- f. Menghadiri konvokesyen diri sendiri / pasangan / anak (2hari)
- g. Mendaftar anak sekolah/ IPT (2hari)
- h. Hal-hal kecemasan lain atas budibicara majikan.

Jumlah kelayakan cuti ehsan / kecemasan ialah 9 hari setahun tidak termasuk kelepasan am atau hari rehat (Jumat/Ahad) kecuali kematian dan bencana alam.

6. Cuti Haji dan Umrah : Semua pekerja yang telah disahkan jawatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun layak memohon cuti haji dan umrah bergaji penuh untuk haji dan umrah bagi kali pertama seumur hidup. Bagi pekerja Akademik cuti untuk mengerjakan umrah adalah semasa cuti persekolahan.

7. Cuti Paterniti: Semua pekerja lelaki yang telah berkahwin secara sah layak mendapat cuti paterniti bergaji penuh selama 7 hari setiap kelahiran. Jumlah maksimum kelahiran yang layak mendapat cuti paterniti ialah 5 kali kelahiran sahaja. Beliau telah berkhidmat selama 12 bulan sebelum memulakan cuti. Cuti ini termasuk Hari Rehat dan hari Kelepasan Am.

8. Masa/Waktu Bekerja : Jumlah waktu bekerja dikurangkan daripada 48 jam seminggu kepada 45 jam seminggu.

9. Kerja Lebih Masa : Kelayakan gaji pekerja yang boleh menuntut elaun lebih masa dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM4,000 sebulan.

## PERISTIWA



**Hari Terakhir Tahun 6. Pelajar SRI Indera Mahkota, Kuantan Pahang. 17 Februari 2023**



**Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik SERI Seremban 2022 Telah Dirasmikan Oleh Ketua Pengarah YTP Hj. Mohd Musleh Yunos Pada 17 Februari 2023.**



**Aktiviti Tadabbur Alam Ketika Program Nadwah Murabbi Kebangsaan di Bagan Lalang, Sepang 6-8 Mac 2023**



**Panduan Makanan Sihat Halalan Toyyiban Ketika Bulan Ramadhan. SRI Johor Bahru. 20 Mac 2023**

# PERISTIWA



**Majlis Graduasi Pelajar Tahun 6 SERI ABIM Sg. Ramal Kajang.  
4 Februari 2023**



**Upacara Sambutan Sempena Pemantauan Oleh Ketua Pengarah dan Pengarah-Pengarah YTP ke SERI AI Hikmah Kelantan. 18-19 Januari 2023**



**Majlis Anugerah & Kecemerlangan TASKI ABIM Ampang, Selangor. Perasmi Hj. Mohamad Abu Daud Pengarah Akademik YTP. 7 Februari 2023**



**Kontijen Catur SRI Alor Setar Memenangi Johan dan Tempat Ketiga Bawah 12 Tahun Lelaki Dalam Kejohanan Catur MSSD Kota Setar Peringkat Negeri Kedah. 20-22 Februari 2023**



**Penyerahan Kek Kepada Staf Wanita di YTP Oleh HELWA ABIM Sempena Hari Wanita Sedunia. 8 Mac 2023**

# MODUL AKTIVITI LUAR :

## REHLAH / PERKHEMAHAN QIADAH & IKHTIAR HIDUP

### Pembinaan Karekter Melalui Rehlah

Oleh Hj. Mohd Musleh Yunos Ketua Pengarah YTP

#### PENGENALAN

Perkhemahan pelajar adalah aktiviti kokurikulum / unit beruniform yang merupakan satu saluran pendidikan luar bilik darjah yang amat berkesan dalam usaha membangunkan karekter dan kopotensi al-Hikmah dan memupuk dan menyuburkan prinsip pendidikan untuk kehidupan.

Perkhemahan juga dapat mendidik pelajar mengenali diri dan orang lain dengan lebih dekat serta memupuk kepercayaan kepada diri sendiri dan sedar akan kemampuan diri. Melalui aktiviti-aktiviti yang disediakan, mereka akan didedahkan dengan suatu persekitaran baru. Aktiviti ini boleh memberi peluang kepada pelajar mentadabbur alam dan mengintegrasikan pdp dalam bilik darjah dengan pengalaman untuk kehidupan. Memupuk sifat yakin diri dan keberanian menghadapi cabaran, mengeratkan hubungan siraturrahim, kerja berpasukan dan amal jam'ie selaras dengan tuntutan Tanzim haraki.

Adalah sangat diharapkan agar perkhemahan ini akan dapat memberikan peluang kepada murid-murid menonjolkan dan mempamerkan kemampuan diri mereka melalui aktiviti-aktiviti yang mencabar seperti ikhtiar diri (survival) dan team work. Di samping menimba pengalaman, perkhemahan ini nanti akan dapat mengeratkan keinsanan sesama murid dan juga guru-guru.

#### MATLAMAT

Memupuk semangat berpasukan, meningkatkan keyakinan, membina ketahanan diri dan serta memupuk minda positif, melatih amali ibadah dalam situasi luar kebiasaan melalui aktiviti mentadabbur alam, rehlah dan perkhemahan.

#### OBJEKTIF

1. Meningkatkan kesedaran kepentingan mentadabbur alam dan memupuk kemahiran pendidikan untuk kehidupan.
2. Meningkatkan semangat kerja berpasukan dan amal jam'ie serta berkongsi pengalaman bersama-sama rakan.
3. Mengaplikasi pengalaman pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan teori-teori dalam unit beruniform yang telah dipelajari berasaskan realiti kehidupan melalui pendidikan luar.
4. Membina keyakinan diri pelajar apabila berhadapan dengan situasi mencabar seperti jungle tracking, night walk dan merentas halangan..
5. Menanam sikap menghargai alam anugerah ilahi dan mengambil manfaat sebagai sumber rezeki yang pelbagai melalui aktiviti mengenal flora, fauna dan hidupan air.
6. Menanam sifat berdikari dalam kahidupan seharian melalui aktiviti rehlah yang berfaedah.

#### AKTIVITI UTAMA

1. Pengurusan tapak dan mendirikan khemah
2. Solat fardu / sunat berjemaah dan kuliah pendik (Kulim)
3. Latihan Dalam Kumpulan (LDK)
4. Sukan, permainan, eksplorasi dan tadabbur alam
5. Amali mandi wajib, wuduk, solat sunat, selawat dan zikir munajat.
6. Amali sembelian, masakan asas dan ikhtiar hidup
7. Khidmat sosial dan gotong royong
8. Membina satu jenis perangkap haiwan di dalam hutan.
9. Persembahan aktiviti kumpulan dan peragaan.

#### AKTIVITI TADABBUR ALAM

(Mengenal Kepelbagaian Sumber Makanan)

Aktiviti 1 : Tema makanan

1. Kentang , Pisang dan ubi keledak (Sarapan/ minum ptg)
2. Kelapa muda, tembikai, dan selasih (Minuman)
3. Ikan cerut/sardin, cencaru/selar, kerisi (Lauk)
4. Ikan air tawar cth puyu / keli/sepap/belida dll
5. Siput, kerang, ketam nipah, udang lipan, kupang, belitung
6. Sengkuang. Timun dan nanas (Rojak)
7. Kobis, bayam, kangkong (sayur)

Aktiviti 2 : Tema berfikir :

1. Kuliah pendik, pembentangan LDK, duta kecil, imam muda
2. Tadabbur alam : Analisis flora dan fauna
3. Reka cipta

Aktiviti 3 : Tema Permainan :

1. Congkak , karem dan batu seremban
2. Futsal, sepak raga dan badminton,

Aktiviti 4 : Tema Urus Diri :

1. Mandi wajib, wuduk dengan sebotol air,
2. Tayamum

### Sidang Redaksi

#### Penasihat

Hj. Mohd Musleh Yunos

#### Ketua Editor

Hj. Samian Mohd Ali

#### Timb. Editor

Hj. Mohamad Khailani Jalil

#### Editor Kerja

Hj. Mohd Naim Mohd Nor

Hjh. Nur Jannah Keman

Suhaili Hussin

Khairani Thanin

Che Abd. Fatah Che M. Nor

Syahirah Zamasry

Norhassikin Ismail

#### Penerbit

Yayasan Takmir Pendidikan

No.21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,

43650 Bandar Baru Bangi,

Selangor

#### Emel

yayasantakmir@gmail.com

#### Website

www.yayasantakmirpendidikan.

com

#### Telefon

03-89265853 / 03-89202308

#### Susunatur Grafik

Khairul Anuar M. Ariffin



Aktiviti 5 : Tema amali solat :

1. Solat sunat israk, dhuha, iktisa (minta hujan) , gerhana dan qimulail
2. Solat jenazah

Aktiviti 6 : Tema kesenian ;

1. Nasid, sajak, nazam dan nyanyian
2. Peragaan dan Lakonan

Aktiviti 7 ; Tema Ruhiyyah :

1. Doa, selawat dan tahlil
2. Mathurat.

Aktiviti 8 : Tema kepimpinan :

1. Pidato, duta kecil, muzakarah, diskusi dan, simulasi
2. Mesyuarat merancang program.

Aktiviti 9 : Tema amal jami'e:

1. Gotong royong, khidmat masyarakat, menyantuni alam
2. Eklorasi

Aktiviti 10 : Tema Al-Quran :

1. Hafalan ayat / surah pendek.
2. Doa bacaan al-quran



## PROSES DAN PROSEDUR PERKHEMAHAN

3 HARI 2 MALAM.

HARI 1 : SELEPAS ZOHOR


- |                 |   |
|-----------------|---|
| 2.00 – 3.00 :   | Pendaftaran.  |
| 3.00 – 4.00 :   | Persiapan khemah dan kemas kawasan  |
| 4.00 – 5.00 :   | Solat asar ikut kumpulan. (imam/zikir/doa & kulim)                                  |
| 5.00 – 6.00 :   | Aktiviti 1 : Amali masakan minum ptg  |
| 6.00 – 6.45 :   | Amali mandi wajib dan wuduk   |
| 6.45 – 8.30 :   | Solat, mathurat, doa dan kulim. Makan malam.  |
| 8.30 – 9.00 :   | Solat isya (Imam dan doa secara bergilir)   |
| 9.00 – 10.00 :  | LDK 1 : Hargai diri anda : Mengenai anugerah Allah sebagai makhluk ciptaan terbaik. |
| 10.00 – 10.30 : | Hafalan surah terpilih  |
| 10.30 – 4.30 :  | Istirehat /tidur  |

HARI KEDUA

- |                 |  |
|-----------------|--|
| 4.30 – 6.45 :   | Urus diri, Qiamulail, solat subuh, mathurat dan kulim  |
| 6.45 – 7.30 :   | Riadah   |
| 7.30 – 8.30 :   | Aktiviti 2: Menyediakan sarapan dan minuman (roti dan kaya / cucur manis).                                 |
| 9.00 – 10.30 :  | LDK 2 : Ciri kepimpinan dinamik dan simulasi pidato (panduan skrip).                                       |
| 10.30 -11.30 :  | Tadabbur alam : Eklorasi flora dan fauna (Tadabur hidupan dan tumbuhan boleh di makan).                    |
| 11.30 – 1.00 :  | Memasak lauk makan tengah hari (lauk isotik) dan ikan. Sedia minuman dan makan tengahhari.                 |
| 1.00 – 2.30 :   | Urus diri dan solat zohor.   |
| 2.30 – 3.30 :   | LDK 3 : Isu remaja dan penyelesaian.   |
| 3.30 – 4.30 :   | Amal jami'e khidmat sosial / gotong royong.  |
| 4.30 – 5.00 :   | Solat asar dan kulim.  |
| 5.00 – 6.45 :   | Panduan dan amali sembelihan dan sediakan lauk makan malam.  |
| 6.45 – 9.00 :   | Urus diri, solat maghrib, amanat pemimpin dan solat isya.  |
| 9.00 – 10.30:   | Peragaan, kesenian, selawat dan nasyid. (bahan selawat dan nasyid diberi masa pendaftaran untuk di hafal). |
| 10.30 – 10.45 : | Hafalan surah pendek.  |
| 10.45 – 4.30 :  | Istirehat.   |

HARI KETIGA.

- |                 |  |
|-----------------|--|
| 4.30 – 7.00 :   | Qiamulail, solat subuh dan zikir mathurat.<br>Kuliah subuh : Mengenaili jemaah WAP |
| 7.00 – 7.30 :   | Riadah.  |
| 7.30 – 8.45 :   | Urus diri dan sarapan.   |
| 8.45 – 10.00 :  | Amali solat jenazah dan kafiatnya.   |
| 10.30 – 11.30 : | Kemas khemah dan kawasan.  |
| 11.30 – 12.30 : | Rumusan dan majlis penutup.  |
| 12.30 :         | Bersurai.  |



# AKTIVITI TASKI



## BENKEL PROFESSIONALISME KEGURUAN TASKI (ZON SELANGOR)



Pada 18 Mac 2023, YTP - TASKI telah menganjurkan Bengkel Professionalisme Keguruan TASKI Zon Selangor. Bengkel ini disampaikan oleh Pengarah YTP - TASKI Tn. Haji Ishak bin Ali Shah. Seramai 41 orang peserta telah menyertai bengkel ini. Bengkel yang bermula dari jam 8 pagi dan berakhir jam 5 petang telah berjalan dengan lancar. Di akhir program, peserta menyatakan bahawa bengkel seperti ini sememangnya wajar dijalankan secara bersemuka kerana keberkesanan program lebih berkesan dan lebih difahami. InsyaAllah bengkel akan diteruskan untuk zon - zon yang lain pula.

## BANTUAN BANJIR TASKI AL HIDAYAH PAGOH, MUAR



Pada 1 Mac 2023 yang lepas, banjir telah melanda TASKI ABIM AI – Hidayah Pagoh. Kerosakan yang dialami termasuklah tikar, kerusi dan meja murid, meja guru dan beberapa buah rak buku turut musnah akibat banjir. Kerugian dianggarkan bernilai RM 3000.

Sehubungan dengan itu, pengarah - pengarah YTP bersama Pengerusi YTPN Johor Dr Muhamad Kasim bin Basir beserta isteri Pn Normala serta Pengarah Urusan Aras Mega sdn Bhd Tn Haji Abd. Rahman bin Abd. Karem telah datang melawat dan berbesar hati menghulurkan bantuan kepada Penyelia TASKI AI – Hidayah bagi membantu menampung sebahagian perbelanjaan membeli keperluan TASKI.

# AKTIVITI TASKI



## MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN TASKI 2022 DI DEWAN ABU ZARIM, ILSAS BANDAR BARU BANGI



Sebanyak 10 buah TASKI dari 8 penyelia/ pengelola yang terlibat dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan TASKI 2022 yang bertempat di Dewan Abu Zarim, ILSAS Bandar Baru Bangi. Majlis berlangsung dari jam 8 pagi hingga 12 tengahari. Majlis telah disempurnakan perasmiannya oleh Pengarah Pengurusan dan Kewangan Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) Tn. Haji Samian bin Mohd Ali. Beliau menekankan setiap kejayaan anak – anak haruslah diraikan kerana mereka telah meletakkan usaha dalam setiap kerja buat mereka.

Majlis kecemerlangan ini meraikan 135 orang murid 6 tahun dari 10 buah TASKI. Pertandingan persembahan juga telah diadakan dan telah dimenangi oleh TASKI Dar Al-Hikmah Bandar Baru Bangi yang membawakan persembahan hafalan surah Al – Kahfi dari ayat 1- 10. Tahniah diucapkan.

# MULTAQA PETUGAS JAMAAH & AGENSI 2023



Pada 11 Mac 2023 bertempat di Bangi Avenue Convention Center (BACC) telah diadakan Majlis Multaqa Petugas Jamaah anjuran Yayasan Kebajikan Petugas Jamaah (YKJPJ). Ianya adalah acara tahunan yang dianjurkan sejak 1998 sebagai pernyataan apresiasi dan penghargaan buat semua staf sepenuh masa jamaah. Tema pada kali ini ialah 'Pensejahteraan Diri Mengagenda Kemampanan Organisasi Gerakan'. 2000 petugas yang berkhidmat di pelbagai agensi di peringkat pusat dan juga negeri, yang menjadi tulang belakang dalam pelaksanaan program serta aktiviti jamaah.

Pada tahun ini lima orang menerima anugerah pengkhidmatan 30 tahun, 23 orang pengkhidmatan 20 tahun dan 33 orang pengkhidmatan 10 tahun. 12 agensi menerima anugerah khas kerana mendapat pengiktirafan di peringkat kerajaan pusat

atau negeri; sementara 14 orang menerima anugerah persaraan.

Laporan : Suhaili Hussin

## MAJLIS IHTIFAL PERINGKAT SEKOLAH SERI AL-UMMAH TAIPING

Pada 13 Februari 2023 telah berlangsungnya Majlis Ihtifal Peringkat sekolah bertempat di Dataran SERI Al-Ummah Taiping. Majlis diadakan bagi memberi penghargaan kepada murid yang cemerlang dalam akademik dan membina azam kepada murid-murid yang lain bagi bersaing secara sihat. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tn. Hj. Abdul Hamid Ali selaku Guru Besar SERI Al-Ummah Taiping.

Majlis juga memberi penghargaan khas kepada murid-murid tahun 6 yang akan meneruskan pembelajaran ke peringkat sekolah menengah. Semoga kejayaan yang lebih baik dan murid-murid terus berjaya pada masa hadapan. Tahniah dan Terima kasih juga atas kerjasama dan usaha guru-guru secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.

